



FAQ : PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 KEPADA PENDERMA DARAH

1 PERLUKAH PENDERMA DARAH MENGAMBIL VAKSIN COVID-19?

Ya, penderma darah dinasihatkan untuk mengambil vaksin bagi mengurangkan risiko jangkitan COVID-19 and seterusnya mengurangkan risiko komplikasi yang teruk. Justeru, adalah dinasihatkan untuk mendaftar untuk pemberian vaksin di aplikasi MySejahtera. Pemberian vaksin akan dijalankan berdasarkan 3 fasa yang telah ditetapkan di dalam Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan.

2

ADAKAH PENDERMA DARAH DIBERI KELEBIHAN UNTUK MENERIMA VAKSIN COVID-19 PADA FASA 2 PROGRAM IMUNISASI COVID-19 KEBANGSAAN?

Ya. Pemberian akan dimulakan dengan penderma darah yang telah menderma darah 50 kali dan ke atas. Namun begitu, Pusat Darah Negara dan Tabung Darah dalam usaha mendapatkan juga bagi penderma darah selain dari kekerapan seperti yang dinyatakan diatas.

Pemberian vaksin ini bertujuan sebagai galakan dan penghargaan kepada penderma darah yang menderma darah secara kerap dan konsisten dalam memastikan bekalan darah mencukupi seluruh negara, terutamanya semasa pandemik COVID-19.

3 GOLONGAN MANAKAH YANG TERMASUK DALAM FASA 2 PROGRAM IMUNISASI COVID KEBANGSAAN DAN SEKIRANYA SAYA PENDERMA DARAH YANG JUGA DALAM GOLONGAN DIATAS SERTA TELAH MENDERMA 50 KALI ATAU LEBIH, BOLEHKAH SAYA MENDAFTAR MELALUI PDN UNTUK VAKSINASI?

Golongan yang termasuk dalam fasa 2 ialah:

- Individu berumur ≥ 60 tahun;
- Individu yang mempunyai sejarah penyakit perubatan seperti kencing manis, darah tinggi, sakit jantung, penyakit buah pinggang, penyakit paru-paru, penyakit hati dan pesakit yang mempunyai sistem imun yang rendah; serta
- Orang Kurang Upaya

Anda boleh mendaftar melalui PDN sekiranya anda telah menderma darah 50 kali dan keatas dan termasuk dalam golongan Fasa 2 Program Imunisasi Covid Kebangsaan.

4 BAGAIMANAKAH CARA PENDERMA DARAH MENDAFTAR UNTUK MENERIMA VAKSIN COVID-19 DI FASA 2?

Penderma darah yang menderma darah 50 kali dan keatas perlu mengikuti langkah-langkah seperti berikut:

1. Mendaftar bagi pemberian vaksin di aplikasi MySejahtera.
2. Anda akan dihubungi oleh Pusat Darah Negara atau Tabung Darah Negeri dimana anda menderma.
3. Mengisi Borang “Pendaftaran Vaksin COVID-19 Penderma Darah” melalui pautan google yang akan dimaklumkan menerusi system pesanan ringkas (SMS).
4. Bagi penderma yang tidak mempunyai telefon pintar atau tidak dapat mengisi borang atas talian, sila hubungi Pusat Darah Negara atau Tabung Darah berhampiran.
5. Tarikh dan lokasi temujanji akan dimaklumkan melalui aplikasi MySejahtera.
6. Pastikan anda kerap menyemak aplikasi MySejahtera untuk mengelakkan terlepas temujanji anda.

5 ADAKAH SAYA BOLEH MEMILIH TARIKH SUNTIKAN DAN JENIS VAKSIN COVID-19?

Tarikh dan jenis suntikan vaksin COVID-19 tidak boleh dipilih oleh penerima vaksin dan ianya adalah mengikut ketetapan Kementerian Kesihatan Malaysia. Namun sekiranya anda tidak dapat hadir pada tarikh yang diberikan, anda perlulah memaklumkan melalui aplikasi MySejahtera mengenai hal ini.

6 BAGAIMANA VAKSIN COVID-19 DIBERIKAN PADA PENDERMA DARAH?

Vaksin COVID-19 akan diberi dalam bentuk suntikan, samada 1 atau 2 dos bergantung kepada jenis vaksin COVID-19

7 BOLEHKAH SAYA MENDERMA DARAH SEBELUM MENGAMBIL VAKSIN COVID-19?

Ya. Penderma digalakkan untuk menderma darah dahulu sebelum mengambil vaksin.



FAQ : PEMBERIAN VAKSIN COVID-19 KEPADA PENDERMA DARAH

8 BILAKAH SAYA LAYAK UNTUK MENDERMA DARAH KEMBALI SETELAH MENDAPAT SUNTIKAN VAKSIN COVID-19?

- Penderma darah layak menderma darah 7 hari setelah menerima vaksin COVID-19.
- Namun, sekiranya penderma mengalami sebarang gejala selepas menerima vaksin, mereka perlu tunda pendermaan darah 7 hari selepas pulih sepenuhnya dari kesan sampingan ringan.
- Sekiranya mengalami kesan sampingan serius/anafilaksis, anda tidak dibenarkan menderma darah.
- Sekiranya anda terlibat kajian klinikal vaksin COVID-19, tangguhkan pendermaan selama 12 bulan selepas melengkapkan dos.
- Sebarang perubahan akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

9 SEKIRANYA SAYA TELAH DIJANGKITI COVID-19, ADAKAH SAYA LAYAK MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN INI?

Ya, namun pemberian vaksin perlu ditangguh sehingga anda telah sembuh sepenuhnya dari penyakit COVID-19 dan telah tamat tempoh kuarantin. Sila rujuk kepada pakar penyakit berjangkit yang merawat anda.

10 APAKAH DOKUMEN-DOKUMEN YANG PERLU DIBAWA KE PUSAT PEMBERIAN VAKSIN?

Penderma darah perlu membawa rekod pendermaan termasuklah buku pendermaan darah atau kad rekod pendermaan darah, selain kad pengenalan.

11 SEKIRANYA SAYA AKAN HADIR MENDERMA DARAH SETELAH MENERIMA VAKSIN COVID-19, APAKAH YANG PERLU DILAKUKAN ?

- Penderma darah dipohon untuk terus mematuhi amalan norma baharu iaitu 3W (wash, wear, warn) dan elakkan 3C (crowded places, confined spaces, close conversation) bagi perlindungan dari jangkitan
- Penerima vaksin COVID-19 masih berkemungkinan dijangkiti virus COVID-19 tersebut disebabkan antibodi yang terhasil mengambil masa beberapa minggu untuk terbentuk. Selain itu, memandangkan negara belum mencapai imunisasi kelompok, virus tersebut masih berada didalam komuniti dan penerima vaksin COVID-19 masih terdedah kepada jangkitan COVID-19 namun mungkin pada tahap yang kurang serius.
- Seterusnya pematuhan norma baharu ini secara lansungnya melindungi mereka yang tidak layak menerima vaksin seperti ahli keluarga, rakan sekerja dan orang yang berhampiran.

12 DI MANAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LANJUT TENTANG VAKSIN COVID-19?

Maklumat berkenaan vaksin COVID-19 mungkin berubah mengikut situasi semasa. Orang ramai dinasihatkan agar sentiasa peka dan merujuk serta berkongsi maklumat yang sahih. Maklumat tepat dan terkini berkenaan vaksin COVID-19 boleh didapati di:

- https://www.infosihat.gov.my/images/media_sihat/lain_lain/faqvaksin/mobile/index.html
- <https://www.vaksinovid.gov.my>
- <https://www.who.int/emergencies/diseases/novel-coronavirus-2019/covid-19-vaccines>
- Aplikasi MySejahtera

Anda juga boleh melayari laman sesawang PDN di www.pdn.gov.my atau facebook Pusat Darah Negara Kementerian Kesihatan Malaysia untuk mengetahui maklumat terkini. Anda juga boleh menghubungi talian Hotline Pusat Darah Negara di talian 03-26132710 dan 03-26132683 bagi sebarang pertanyaan pada hari bekerja dari jam 8.00 pagi hingga 4.30 petang.

JOM DERMA DARAH !

pdn.gov.my

TALIAN HOTLINE VAKSIN COVID-19 PENDERMA DARAH

PUSAT DARAH NEGARA



03 - 26132683 / 03 - 26132710

8.00 pagi hingga 4.30 petang hari bekerja

